

STRATEGI PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT PEMBELAJARAN

NAMA PUSAT : INNOVATION LEARNING CENTRE
FUNGSI : BLOK & PUZZLE
TAJUK : i-SKRIN AKUATIK

BI L	PERKARA	CATATAN	
1	STANDARD KANDUNGAN	KE 3.3	Menzahirkan idea kreatif dalam penghasilan karya seni
2	STANDARD PEMBELAJARAN	KE 3.3.4	Menghasilkan idea kreatif.
		SA 3.3.7	Memerhati dan menceritakan kitaran hidup haiwan
3	STREAM	S	Menyebut ciri-ciri hidupan akuatik
		T	Menggunakan pelbagai media dan bahan
		R	Bertolak ansur, bekerjasama semasa menjalankan aktiviti
		E	Melakar reka bentuk i-skrin
		A	Menghias i-skrin mengikut kreativiti kanak-kanak
		M	Memahami konsep matematik awal (pola, panjang, tebal, nipis dan lain-lain)
4	OBJEKTIF	Kanak-kanak mereka cipta inovasi mengikut kreativiti	
5	BBM	Paip PVC@ tisu roll, kain belacu, krayon, clear spray, getah, kotak kasut, gunting, gam, pensel, led, bateri	
6	NILAI MURNI	Bekerjasama, berkongsi, berkomunikasi, sabar	
	<u>STRATEGI PELAKSANAAN</u>		
	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kanak-kanak mendengar penerangan dari guru tentang tugas yang perlu dilakukan. 2. Kanak-kanak berbincang dan membuat lakaran i-skrin dalam kumpulan masing-masing. 3. Seorang ketua dipilih untuk membahagikan tugas kepada rakan bagi membina i- skrin. 4. Kanak-kanak melukis kitaran hidupan akuatik pada kain belacu. 5. Kanak-kanak mewarna gambar yang dilukis menggunakan krayon. 6. Guru membantu menebuk lubang pada kotak menampal plastik PVC 		

7. Kanak-kanak masukkan getah pada tiub tisu dan masukkan ke dalam lubang yang dibuat.
8. Kanak-kanak memasukkan kain belacu yang siap di lukis pada tiub tisu.
9. Kanak-kanak menghias dan melukis di muka depan skrin.
10. Kanak-kanak bermain i-skrin bersama rakan.
11. Guru menggalakkan kanak-kanak menceritakan pengalaman mereka menyediakan i-Skrin Akuatik

Nota: Guru perlu memastikan keselamatan, kebersihan, penglibatan semua kanak-kanak semasa aktiviti dilaksanakan.

** paip pvc juga boleh di guna untuk tiub tisu.*

Rujukan: <https://www.youtube.com/watch?v=QyKki20YC5M>